



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S). 800-1/1/7 JLD.4 (17)

Tarikh : 9 November 2023

Setiausaha Persekutuan Sarawak
Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sarawak

YBhg. Dato/Tuan/ Puan,

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG MENGANUT
AGAMA HINDU YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SARAWAK**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Seperti dimaklumi, Kerajaan mulai tahun 2018 telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali. Cuti Tanpa Rekod ini tidak terpakai kepada negeri Sarawak memandangkan Hari Deepavali bukan merupakan Hari Kelepasan Am di Sarawak.

3. Kerajaan mengambil maklum bahawa Kerajaan Sarawak telah bersetuju memberikan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang menganut agama Hindu melalui Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 26 Tahun 2023 bertarikh 9 November 2023.

4. Sehubungan itu, selaras dengan pekeliling berkaitan, Kerajaan juga bersetuju untuk memberi Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di Sarawak seperti berikut:

(i) sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari bekerja, pegawai boleh memohon Cuti Tanpa Rekod pada hari tersebut; atau

(ii) sekiranya Hari Deepavali jatuh pada hari Ahad, pegawai boleh memohon Cuti Tanpa Rekod pada hari bekerja berikutnya.

5. Sehubungan itu, mengambil kira Hari Deepavali pada tahun 2023 jatuh pada hari Ahad (12 November), maka pegawai yang menganut agama Hindu boleh memohon Cuti Tanpa Rekod pada hari Isnin (13 November) bagi menyambut Hari Deepavali.

6. Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Menganut Agama Hindu Yang Berkhidmat Di Negeri Sarawak berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.


7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SERI DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)

s.k.:

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sarawak